

KPDNHEP rampas 500 liter petrol, 265 liter diesel

2020-05-17T10:59:08+08:00

oleh Yusop Teppo



RAMPAS: KPDNHEP Sandakan merampas minyak petrol dan diesel dalam serbuan 6 pagi di Telupid.

SANDAKAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sandakan berjaya merampas 500 liter minyak petrol dan 265 liter minyak diesel bernilai RM1,039.25 di Telupid, pagi semalam.

Ketua Cawangan KPDNHEP Sandakan, Mohamad Hashim berkata pihaknya telah mengambil tindakan satu kes penyelewengan bahan api petroleum bersubsidi di Telupid.

"Lebih kurang jam 6 pagi, pihaknya telah merampas 500 liter minyak petrol, 265 liter minyak diesel dan sebuah kenderaan pacuan empat roda yang bernilai rampasan keseluruhan RM51,039.25," katanya.

Beliau berkata pihaknya telah membuat risikan dan siasatan berhubungan aduan penyelewengan bahan api petroleum bersubsidi yang dilakukan oleh pembeli yang tidak mempunyai kebenaran bertulis dari pengawal bekalan dan salah laku pengusaha stesen minyak.

"Hasil risikan dilakukan selama seminggu telah berjaya melakukan rampasan tersebut," katanya.

Beliau berkata seorang lelaki tempatan berumur 25 tahun telah ditahan dan dibebaskan setelah diambil keterangan.

"Tindakan kes diambil di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana memiliki barang kawalan berjadual minyak petrol dan diesel dengan niat untuk melakukan kesalahan untuk menjual barang kawalan berjadual tanpa kebenaran bertulis dari pengawal bekalan," katanya.

Mohamad berkata tindakan ke atas pengusaha stesen minyak di bawah Peraturan 21 (1) Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar arahan pengawal bekalan iaitu telah melanggar syarat lesen tidak boleh menjual petrol atau diesel kepada mana-mana orang yang tidak mempunyai kebenaran bertulis dari pengawal bekalan.

"Pihaknya mengambil tindakan tegas ke atas aktiviti penyelewengan yang dilakukan oleh mana-mana orang dan juga ke atas pengusaha stesen minyak," katanya.

Beliau berkata jika disabitkan kesalahan ke atas individu adalah sebanyak RM1 juta dan penjara tidak melebihi 3 tahun dan tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan kali kedua.

"Manakala, bagi kesalahan ke atas syarikat adalah tidak melebihi RM3 juta bagi kesalahan pertama dan kesalahan kedua adalah tidak melebihi RM5 juta," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/17/kpdnhep-rampas-500-liter-petrol-265-liter-diesel>